**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 18 MEI 2018 (JUMAAT)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - Penduduk mahu kemudahan dibaikpulih | 22 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>18 MEI 2018 (JUMAAT)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Penduduk mahu kemudahan dibaikpulih |
| Muka Surat | 22 |

# Penduduk mahu kemudahan dibaik pulih

SH 18/5/18 m/s 22



Leong Kok Wee (kiri) bersama penduduk melihat keadaan pagar yang rosak.

**PANDAN INDAH** – Penduduk di sebuah pangsapuri di sini, berharap masalah infrastruktur di kediaman itu dapat diselesaikan pihak berkenaan demi kesejahteraan mereka.

Pengerusi MCA Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee berkata, pihaknya ada menerima aduan daripada penduduk berhubung masalah lif, rumah sampah, pagar dan jalan rosak yang dihadapi mereka.

"Saya telah turun padang dan melihat keadaan infrastrukur yang agak teruk di sini," katanya.

Kok Wee berkata, pihaknya dimaklumkan syarikat baharu telah dilantik sebagai Badan Pengurusan Bersama (JMB) pangsapuri berkenaan sejak tahun lalu.

"Mereka juga dijangka tidak mampu untuk menyelesaikan masalah dengan kadar segera kerana kos membaik pulih mungkin tinggi sehingga mencecah jutaan ringgit," katanya.

Menurutnya, Kerajaan Negeri Selangor atau Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Ampang Jaya perlu mengadakan perbincangan dengan penduduk dan JMB bagi mengatasi masalah ini.

"Perlu ada mekanisme penyelesaian daripada pelbagai agensi dan pihak berkenaan," katanya.